

Four-Page Fabric Books to Help Students in Story Telling

Zaharilah Abdul Kadir^a, Nur Farhana Mustahidin^b, Nur Farahin Mustahidin^c

^a Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar Seremban Negeri Sembilan, ^bUnit Teknologi Pembinaan Bangunan Jabatan Kejuruteraan dan Kemahiran, Kolej Komuniti Jelebu, Negeri Sembilan, ^cKolej Profesional Mara, Melaka.
E-mail: zaharilahiprm@gmail.com. No. HP 019 6077220

Abstrak: Educators and parents often look for teaching and learning materials for students based on a number of features, namely, materials that are easy to find, affordable and teacher-parent-friendly. Researchers have created a four-page fabric book as a resource to help teachers and parents engage in story-telling activities during class. The purpose of storytelling activities is to increase vocabulary, improve communication ability and student confidence. Four-page fabric books have storylines through characters, objects and situations created using a variety of fabrics. This qualitative study uses observation and interview methods to obtain data. The findings show that teachers can produce four-page storybooks and that teachers are confident that activities can be carried out with students. The formulation of appropriate aids can help teachers diversify the material in their student storytelling activities.

Keywords: Fabric books; storytelling; vocabulary; communication

PENGENALAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup. KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Asas 3M bersifat holistik, selaras dengan yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Strategi PdP yang dirancang perlu memberi penekanan kepada pembelajaran berpusatkan murid dan PdP berasaskan aktiviti. Murid dilibatkan secara aktif dalam PdP yang menyepadukan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan penerapan sikap dan nilai murni. Perancangan, matlamat pendidikan dan strategi PdP ini perlu didokumenkan dalam Rancangan Pendidikan Individu (RPI).

Bagi meningkatkan minat dan keseronokan belajar, guru boleh mempelbagaikan pendekatan pengajaran seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, konstruktivisme, pembelajaran kontekstual, pembelajaran masteri, analisis tugas, belajar melalui bermain, pengajaran bertema, pembelajaran pengalaman, pendekatan kolaborasi dan multi sensori.

Bercerita merupakan satu aktiviti yang menarik perhatian murid, kerana melalui bercerita mereka dapat memahami sesuatu dengan lebih mendalam dan secara tidak langsung dapat mengaktifkan daya imaginasi murid untuk berfikir dengan lebih kreatif. Melalui teknik bercerita, murid-murid dapat belajar dalam suasana yang gembira dan ceria. Kebiasaannya apabila murid belajar dalam suasana gembira murid akan lebih mudah faham dan ingat apa yang mereka pelajari. Lumrahnya manusia mudah mengingat perkara yang mendatangkan kegembiraan dan menyeronokkan berbanding perkara yang tidak memberikan kesan kepada mereka.

Aktiviti bercerita merupakan salah satu pendekatan yang sesuai digunakan untuk membina kecekapan berbahasa kerana cerita merupakan sesuatu yang dapat menarik minat dan perhatian murid. Semasa aktiviti bercerita murid dapat memperluaskan perbendaharaan kata dan tatabahasa. Objektif kajian ini ialah untuk melihat bagaimana buku fabrik empat muka surat membantu murid bercerita. Persoalan kajian, bagaimana buku fabrik empat muka surat boleh membantu murid bercerita.

METHODOLOGI

Teknik bercerita merupakan satu bentuk teknik pembelajaran yang dapat menimbulkan minat belajar dalam kalangan murid. Cerita yang mengandungi tema dan plot juga diwarnai dengan penggunaan gaya bahasa, latar, situasi, dan sudut pandangan yang baik mencorak penceritaan yang baik.


Justeru, teknik bercerita mungkin dapat membantu meningkatkan penggunaan perbendaharaan kata murid, meningkatkan prestasi kemahiran komunikasi murid dan secara tidak langsung murid lebih berkeyakinan dalam melaksanakan pelbagai aktiviti di sekolah. Bercerita melibatkan perhubungan dua hala antara guru dengan murid, dan antara murid dengan murid. Teknik ini juga boleh dimanipulasikan mengikut kesesuaian dan kemampuan guru. Murid boleh mengalami sendiri situasi cerita melalui penggunaan bahan-bahan bantu mengajar yang disesuaikan guru semasa teknik bercerita digunakan di dalam bilik darjah. Selain itu, penggunaan gambar atau bercerita dikatakan dapat melatih murid berfikir (Shahabuddin & Rohizani 2003).

Kajian dilaksanakan secara kualitatif dan data dikumpulkan melalui pemerhatian dan temu bual. Sasaran adalah dua orang murid pendidikan khas masalah pembelajaran yang sedang belajar di tahap satu di sebuah sekolah di daerah Seremban.

Pengkaji membina sendiri bahan bantu mengajar yang bercirikan inovasi diperbuat daripada fabrik. Langkah-langkah aktiviti membina buku cerita empat muka surat:

1. Langkah 1: Guru pendidikan khas masalah pembelajaran mengikuti kursus dalam perkhidmatan di IPG untuk menghasilkan buku cerita empat muka surat.
2. Langkah 2: Guru pendidikan khas masalah pembelajaran menghasilkan buku cerita empat muka surat bersama-sama murid.
3. Langkah 3: Murid dapat mereka cipta cerita sendiri berdasarkan buku cerita empat muka surat yang dihasilkan.
4. Langkah 4: Murid secara dibimbing oleh guru menggunakan perkataan yang tidak biasa digunakan seharian dalam menghasilkan cerita.

Model kajian PDCA diaplikasi dalam kajian sebagai panduan dalam melaksanakan kajian. Plan (P), Do (D), Check (C), Action(A)



Rajah 1: Model Pelaksanaan Tindakan Aktiviti Buku Cerita Empat Muka Surat

Jadual 1: Penerangan Model PDCA

PDCA	Langkah	Tindakan
Plan (P)	Mengenalpasti Masalah	Pengajaran dan pembelajaran kurang mengupayakan kebolehan murid dalam bercerita menggunakan buku cerita.
	Analisis Masalah	• Faktor keselamatan • Peralatan yang banyak • Masa penyediaan yang lama
	Cadangan Penyelesaian	Aktiviti menghasilkan buku cerita empat muka surat.
Do (D)	Pelaksanaan Ujicuba	Guru pendidikan khas masalah pembelajaran menghasilkan buku cerita empat muka surat bersama murid berkeperluan khas masalah pembelajaran.
	Pengumpulan Data	Melalui pemerhatian dan temubual.
	Analisis Data	• Minima pemantauan semasa aktiviti • Penglibatan murid lebih aktif. • Murid menunjukkan minat dan menyiapkan buku empat muka surat hingga selesai. • Pengurusan masa aktiviti lebih baik. • Faktor keselamatan menggunakan gunting terkawal.
Check (C)	Pencapaian Hasil Projek	• Proses menghasilkan buku cerita empat muka surat lebih mudah, cepat dan selamat. • Kanak-kanak pendidikan khas masalah pembelajaran berjaya dalam menghasilkan buku cerita empat muka surat dari permulaan hingga terhasil produk . • Kelestarian alam sekitar terpelihara kerana tiada pembuangan perca kain. • Kualiti buku cerita empat muka surat hampir sama dengan produk sedia ada di pasaran menggunakan fabrik, kertas keras dan dengan kos pembuatan yang rendah.
Action (A)	Tindakan Penyeragaman dan Tindakan Susulan	• Pensyarah menyebar luas aktiviti menghasilkan buku cerita empat muka surat melalui kursus dalam perkhidmatan kepada guru pendidikan khas masalah pembelajaran.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Berpandukan Model PDCA, dalam Plan (P), pengkaji membuat tinjauan awal terlebih dahulu, pengkaji mendapati semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP), tenaga pengajar kurang mengupayakan kebolehan murid dalam menghasilkan sendiri bahan dalam aktiviti buku cerita empat muka surat. Analisis masalah juga menunjukkan beberapa faktor yang menyebabkan aktiviti motor halus menghasilkan buku cerita kurang dilaksanakan, antaranya faktor keselamatan murid semasa menggunakan pelbagai peralatan seperti gunting, di mana ianya memerlukan pengawasan dan murid tidak boleh dibiarkan secara berdikari untuk menggunakan peralatan tajam. Penggunaan peralatan yang banyak dalam aktiviti dan masa penyediaan untuk melaksanakan aktiviti yang memakan masa yang lama antara penyumbang aktiviti membina buku cerita empat muka surat kurang popular untuk dilaksanakan dalam PdP pendidikan khas masalah pembelajaran.

Seterusnya do (d), uji cuba bersama murid berkeperluan khas masalah pembelajaran. melalui pemerhatian dan temubual, pengkaji mendapati minima pemantauan semasa aktiviti kerana peralatan yang tajam kurang digunakan. penglibatan kanak-kanak lebih aktif, murid menunjukkan minat dan menyiapkan kerja hingga selesai dan pengurusan masa aktiviti lebih baik. manakala faktor keselamatan sangat terkawal kerana minima peralatan tajam yang digunakan.

Dalam turutan PDCA seterusnya adalah *Check* (C), didapati proses menghasilkan buku cerita empat muka surat lebih mudah, cepat dan selamat. Murid pendidikan khas masalah pembelajaran berjaya dalam menghasilkan buku cerita daripada permulaan hingga terhasil produk dengan kemas dan boleh digunakan. Kelestarian alam sekitar juga terpelihara kerana tiada pembuangan perca kain. Kualiti buku cerita hampir sama dengan produk sedia ada di pasaran menggunakan fabrik, fabrik bergam dan dengan kos pembuatan yang rendah.

Action (A) adalah tindakan terakhir dalam kajian, tindakan penyeragaman dan tindakan susulan dilaksanakan. Pengkaji membuat tafsiran terhadap pernyataan kurikulum Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran dan menyesuaikannya dengan strategi latih tubi menggunakan aktiviti motor halus, dalam kurikulum antara pernyataannya iaitu menggunakan bahan maujud dalam PdP bagi membantu murid menguasai konsep dan pengetahuan dan dapat meningkatkan penggunaan perbendaharaan kata dalam subjek bahasa Melayu. Aktiviti PdP perlu pelbagai dan seimbang supaya pembelajaran murid lebih berkesan dan bermakna seperti: aktiviti dalam dan luar; aktiviti aktif dan pasif; aktiviti individu, kumpulan dan kelas; serta aktiviti berasaskan inisiatif murid dan aktiviti yang dirancang oleh guru.

Peserta kajian terdiri dua orang murid pendidikan khas masalah pembelajaran di sebuah sekolah di Negeri Sembilan. Pengkaji bersama guru yang merupakan rakan pengkaji, telah melaksanakan aktiviti menghasilkan buku empat muka surat bersama murid pendidikan khas masalah pembelajaran, dan dapatan daripada kajian ini dapat menjawab persoalan kajian, di mana menunjukkan murid dapat menghasilkan sendiri buku empat muka surat yang mengandungi kemahiran asas seperti mengecam, menggantung, mewarna, menggam, mencantumkan dan melengkapkan Menurut Mohd Sharani Ahmad (2006) kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh murid ini juga bertujuan supaya kanak-kanak dapat bersaing dengan kehendak semasa, dan melalui temubual juga menunjukkan murid berasa gembira semasa menghasilkan buku cerita. Hasil pemerhatian dan hasil temubual dengan guru dapat menjawab persoalan kajian. Bagaimana aktiviti latih tubi kerja tangan mengecam, menggantung, menggam, mencantumkan dan melengkapkan dapat membantu meningkatkan kemahiran motor halus murid di peringkat awal pendidikan. Hasil temu bual dengan murid pendidikan khas masalah pembelajaran:

Hasil temu bual dengan kanak-kanak pendidikan khas masalah pembelajaran:

- Pernyataan pertama murid pendidikan khas masalah pembelajaran -Murid 1:
Saya dapat buat buku cerita empat muka surat dan saya tahu pilih kartun pada kain yang saya suka. Tak penat pun.
- Pernyataan kedua murid pendidikan khas masalah pembelajaran- Murid 2: Saya suka buat buku cerita empat muka surat, saya dah siapkan buku cerita saya dan nak simpan dan nak buat untuk kawan-kawan saya.
- Pernyataan ketiga kanak-kanak pendidikan khas masalah pembelajaran- Murid 1:
Saya dapat lekatkan semua gambar daripada fabrik dengan kawan-kawan saya dan nak tunjuk pada emak.
- Pernyataan ketiga kanak-kanak pendidikan khas masalah pembelajaran – Murid 2:
Saya seronok buat buku cerita guna kain.
- pernyataan keempat kanak-kanak pendidikan khas masalah pembelajaran -Murid 1:
Saya dapat membuat buku cerita gunakan kain ada gambar kartun dan saya minat sangat guna sebab ada kartun.
- Pernyataan kelima kanak-kanak pendidikan khas masalah pembelajaran- Murid 2:
Saya dapat buat buku cerita daripada fabrik dan saya nak main dengan kawan saya, dan saya tak letih dan tak mengantuk pun.

Rumusan

Syamsulaini Sidek & Mashitoh Hashim (2016). Guru menjadi pemimpin yang membimbing murid dan memperuntukkan lebih banyak masa untuk menjalankan aktiviti pembelajaran, sama ada secara berkumpulan atau individu (Li, Mai & Tse-Kian, 2014). Terbukti aktiviti bercirikan aktiviti motor halus akan dapat merangsang pembelajaran aktif dan dilaksanakan secara latih tubi tetapi menggunakan pelbagai hasil akhir seperti buku cerita empat muka surat, puppet, puzzle dan penanda bulu.

DAFTAR RUJUKAN

- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub (2003). Psikologi pembelajaran dan personaliti. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd. Winkel, W. S., & Hastuti, M. S. (2005). *Bimbingan dan Konseling di Institusi Pendidikan*. Media Abadi.
- Abd Khalil Adnan. (2017). Reka bentuk model program perkembangan profesionalisme guru Malaysia: Kuala Lumpur: Universiti Malaya .
- Kauffman, J.M. & Hallahan, D. P. (2005). *Special Education: What It Is And Why We Need It*. 2nd edition. Boston ; Montreal : Pearson/ Allyn and Bacon.
- Li, Y.W., Mai, N., & Tse-Kian, N. (2014). Impact of learner-centred teaching environment with the use of multimedia-mediated learning modules in improving learning experience. *Jurnal Teknologi*. 68(2), pp. 65-71.

- Meyers, C. & Jones, T.B. (1993). Promoting active learning. Strategies for the college classroom. San Francisco: Jossey-Bass Inc. Publishers.
- Mohd.Sharani Ahmad, (2006). Mengurus kanak-kanak yang susah belajar. Seberang Prai Tengah: PTS.
- Peter, C.J., Emeliana, E. & Mohd Sofi, N. (2010). Perkembangan Kurikulum Pendidikan Khas Teknik dan Vokasional. Dicapai pada September 14, 2012, dari ms.1 di [kurikulum_Pendidikan_Khas_Teknik_dan_Vokasional.pdf](#).
- Syamsulaini Sidek & Mashitoh Hashim (2016). Video-Based Teaching in Student-Centered Learning: Analysis and Critical Review: Journal of ICT in Education (JICTIE) ISSN 2289-7844 / Vol. 3 / 2016 / 24-33.
- Silberman, M. (2000). Pembelajaran Aktif : 101 Strategik untuk Mengajar Apa Jua Pelajar. (Ahmad, Z. Trans.). Kuala Lumpur. Institut Penterjemahan Malaysia. 2004.
- Zalizan Mohd Jelas. (Pnyt.). 2009. Pendidikan Kanak-Kanak Bekeperluan Khas: Konsep dan Amalan. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti kebangsaan Malaysia.